

# Kesepakatan Sabah, Sarawak bentuk Malaysia

Dari muka 34

Dalam siri lawatan dan tinjauan yang dibuat, suruhanjaya melaporkan rae-nerima 2,200 keping surat dan memorandum daripada pelbagai persatuan, parti politik, pertubuhan keagamaan, kemasyarakatan dan kesatuan sekerja, dewan perdagangan, ketua kaum, orang kenamaan dan individu di kedua-dua negeri berkenaan.

Hasil tinjauan itu, maka terhasillah Penyata Cobbold, yang diterbitkan pada 21 Jun 1962 dan diumumkan pada 1 Ogos 1962. Enam lampiran dikepilkan dalam penyata itu untuk rujukan, antaranya cabutan banci, dasar utama British, istilah dan maksud 'bumiputera' dalam perundangan, kertas kerajaan Sabah dan Sarawak mengenai Malaysia dan

Memorandum mengenai Malaysia yang dikemukakan MSCC, selain peta negeri-negeri Borneo 1953 (Pindaan 1962).

Berdasarkan laporan dalam penyata itu, suruhanjaya mendapati majoriti rakyat Sabah dan Sarawak menyokong penyertaan ke dalam Malaysia, justeru Suruhanjaya Cobbold menyokong penubuhan Malaysia dan ia turut berpandangan negeri Sabah dan Sarawak akan beroleh keuntungan dari segi ekonomi dan keselamatan dengan menyertai Malaysia.

Dalam syor yang dikemukakan, perkara penting yang dipersetujui adalah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dijadikan asas kepada Perlembagaan Malaysia dan nama Malaysia dijadikan nama persekutuan yang baharu.



Tunku Abdul Rahman berucap di Stadium Merdeka pada perasmian pengisytiharan Malaysia pada 16 September 1963. (Foto Arkib NSTP)

Perkara lain yang dipersetujui, antaranya bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dengan wilayah Borneo diberi peruntukan 10 tahun bagi melaksanakan dasar itu, Islam sebagai agama rasmi dengan hak kebebasan beragama diberi kepada yang bukan Islam dan kaum pribumi di Borneo dapat menikmati hak istimewa, seperti orang Melayu di Semenanjung.

### Jaminan hak anak negeri

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Suffian berkata, persetujuan daripada Sabah dan Sarawak bermula dengan usaha Tunku Abdul Rahman yang memberi penerangan dalam lawatan beliau ke Sarawak dan Brunei.

Seterusnya, penubuhan Jawatankuasa Setiakawan Malaysia amat penting dalam memberi penerangan dan membalas soal jawab daripada pe-

mimpin kedua-dua negeri itu mengenai rancangan penubuhan Malaysia, sekali gus memberi keyakinan kepada mereka untuk menyokong penubuhan Malaysia, atas beberapa sebab.

"Pertama adalah soal ekonomi. Penubuhan Malaysia mampu membantu kedua-dua negeri yang ketinggalan untuk dibangunkan.

"Kedua, soal keselamatan kerana kemerdekaan kedua-dua negeri secara sendirian ketika itu akan mengundang masalah kerana pergerakan komunis semakin kuat di beberapa kawasan di Asia Tenggara, justeru untuk merdeka dengan aman dan seterusnya membangunkan kedua-dua negeri, penyelesaian terbaik adalah Malaysia," katanya.

Selain itu, Suffian berkata, perkara yang turut menarik minat Sabah dan Sarawak untuk menyertai penubuhan Malaysia adalah disebabkan terdapat jaminan bahawa hak negeri dan kaum dipelihara.

"Atas sebab itu, menerusi Suruhanjaya Cobbold, perkara mengenai keselamatan dan pembangunan serta hak negeri dan kaum menjadi perkara yang diutarakan dalam peijmpaan dan surat yang diberikan penduduk kedua-dua negeri ini.

"Justeru, Suruhanjaya Cobbold melihat ramai yang memberi sokongan dengan meminta hak Sabah dan Sarawak dipelihara, yang membawa sokongan kepada penubuhan Malaysia," katanya.

Majlis menandatangani Laporan Cobbold dari Suruhanjaya Siasatan mengenai Borneo Utara dan Sarawak, di Knebworth House, London pada 21 Jun 1962. Suruhanjaya ini terdiri daripada lima anggota dan dipengerusikan oleh Lord Cobbold (tengah). Anggota lain termasuk Datuk Wong Pow Nee (dua dari kanan) dan Mohd Ghazali Shafie (kanan), yang mewakili kerajaan Malaya manakala, Sir Anthony Abell (berdiri), dan Sir David Watherston (kiri), mewakili kerajaan British. (Foto Wikimedia)



## Kronologi pembentukan Malaysia

### 27 Mei 1961

Tunku Abdul Rahman semasa Persidangan Persatuan Wartawan Luar Negeri Asia Tenggara di Hotel Adelphi, Singapura mengagaskan mengenai perlunya diwujudkan satu rancangan untuk membawa Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Borneo, Brunei dan Sarawak ke dalam satu bentuk kerjasama politik.

### 23 Julai 1961

Mesyuarat Persatuan Parlimen Komanwel Cawangan Tanah Melayu dan Borneo di Singapura bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia dipengerusikan oleh Donald Stephen.

### Ogos 1961

Mesyuarat pertama Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia diadakan di Sabah.

### 18 - 20 Disember 1961

Mesyuarat kedua Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia diadakan di Kuching Sarawak.

### 6 - 7 Januari 1962

Mesyuarat ketiga Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia diadakan di Selangor Legislative Assembly Chamber, Kuala Lumpur.

### 17 Januari 1962

Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan bagi meninjau pandangan penduduk negeri-negeri di Borneo Utara dan Sarawak.

Temungung Jugah (km), wakil Sarawak; Sir Harold Macmillan (tengah), Perdana Menteri British dan Tunku Abdul Rahman semasa Majlis Menandatangani Perjanjian Malaysia di Marlborough House, London pada 9 Julai 1963. (Foto Arkib NSTP)



### 3-4 Februari 1962

Mesyuarat keempat Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia.

### 21 Jun 1962

Laporan Suruhanjaya Cobbold disiapkan dan dikemukakan kepada kerajaan British dan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

### Julai 1962

Tunku Abdul Rahman dan Perdana Menteri Britain, Harold MacMillan sepakat untuk mengadakan rundingan.

### 9 Julai 1963

Perjanjian penubuhan Persekutuan Malaysia ditandatangani oleh wakil-wakil kerajaan British Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura.

### 16 September 1963

Pengisytiharan Malaysia diadakan di Stadium Merdeka Kuala Lumpur, dibacakan oleh Tunku Abdul Rahman.

Sumber: Arkib Negara Malaysia